

# KDNK suku kedua dijangka lebih 7 peratus — Abdullah

PUTRAJAYA 8 Julai — Kedudukan selesa ekonomi yang dinikmati Malaysia dijangka berterusan dengan unjuran pertumbuhan suku kedua Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara tahun ini dijangka berkembang melebihi 7 peratus.

Pada suku pertama tahun ini, KDNK negara berkembang sebanyak 7.6 peratus.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika mengkhabarkan berita gembira ini bagaimanapun berkata, kerajaan akan melaksanakan projek-projek bagi merangsangkan pertumbuhan dengan lebih berhemah bagi mengawal defisit belanjawan.

"Jika kita berbelanja secara mewah tanpa mengambil kira defisit belanjawan, ia akan memudaratkan kita semua," kata beliau dalam program khas "Bersama Perdana Menteri" yang disiarkan di RTM malam ini.

Program satu jam ini menyaksikan bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu, Datuk Johan Jaaffar bertindak selaku perantara manakala ahli-ahli panel yang lain terdiri daripada Penolong Editor Perkhidmatan Berita Am *Bernama*, Ahmad Zukiman Zain dan Pengarang Kumpulan *Berita Harian*, Hishamuddin Aun.

KDNK Malaysia, yang tahun lepas berada pada 5.9 peratus, diunjurkan meningkat sebanyak 6-6.5 peratus tahun ini. Dalam suku akhir tahun 2003, ekonomi negara berkembang sebanyak 6.6 peratus.

Defisit belanjawan tahun lepas ialah 5.3 peratus daripada KDNK.

Abdullah berkata jika ada satu perkara yang menggembirakan hati beliau, perkara itu ialah ekonomi negara.

"Untuk defisit, kita telah berjaya mengawalinya supaya ia tidak bertambah dan jika bertambah, penarafan global ke atas negara mungkin akan turun dan ini akan menjejaskan pelaburan dan perniagaan," kata beliau.

Bagaimanapun, beliau berkata negara akan berbelanja secara berhemah dan progresif kerana kalau gagal berbuat demikian, 'ekonomi akan mengecut' dan ini tidak baik kerana ia boleh menjejaskan aktiviti ekonomi.

Abdullah, yang juga merupakan Menteri Kewangan berkata beliau telah mengumumkan semalam yang kerajaan telah meluluskan peruntukan RM8.5 bilion bagi melaksanakan projek-projek berkeutamaan tinggi.

Projek-projek itu termasuklah penyudahan fasa kedua Lebuhraya Pantai Timur dari Kuantan ke Kuala Trengganu bernilai RM1.5 bilion, projek-projek kecil bernilai RM2 bilion menerusi tender dan 50 projek keutamaan tinggi yang telah komited bernilai kira-kira RM5 bilion kepada syarikat-syarikat yang telah mendapat Surat Hasrat.

Perdana Menteri juga menafikan dakwaan yang mengatakan kerajaan tidak mempunyai wang.

Sebaliknya, beliau berkata, kerajaan mempunyai wang tetapi ia mesti dibelanjakan dengan cara berhemah.

Abdullah juga berkata, adalah menjadi satu kesilapan besar untuk melihat sektor pertanian sebagai sektor yang tidak penting.

Beliau berkata, pengeluaran dan kualiti pertanian boleh meningkat dengan ketara dengan gabungan bioteknologi dan teknologi maklumat dan komunikasi berserta dengan mekanisasi.

"Ia akan dapat menghasilkan hasil pertanian yang lebih banyak, lebih tinggi mutunya dan sekaligus akan membawa kepada kemungkinan untuk menjayakan industri kecil dan sederhana," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata sektor pertanian mempunyai kapasiti untuk mewujudkan sumber-sumber pendapatan tambahan dan baru di samping kekayaan.

"Dan yang lebih penting pada saya ialah orang-orang di kawasan luar bandar yang terlibat dengan pertanian sudah dibawa untuk masuk ke bidang industri kecil dan sederhana," kata beliau.

Dalam proses itu, kerajaan telah menyediakan satu wadah untuk meramaikan penyertaan orang Melayu dalam perdagangan dan perindustrian sektor luar bandar menerusi pemodenan dalam industri pertanian. — *Bernama*